



SOALAN LAZIM MENGENAI SEMAKAN STATUS KELULUSAN DAN PEMBAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN

- 1. Bilakah semakan status permohonan Geran Khas PRIHATIN (GKP) boleh dibuat?**

Semakan status permohonan GKP boleh dibuat mulai 3 Jun 2020 (Rabu) secara dalam talian melalui portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

- 2. Semakan status permohonan GKP saya adalah berstatus Semakan Lanjut Agensi. Apakah yang dimaksudkan dengan status berkenaan?**

Permohonan yang berstatus Semakan Lanjut Agensi adalah masih dalam proses semakan dengan agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM). Keputusan bagi permohonan ini akan dipaparkan mulai 8 Jun 2020 (Isnin).

- 3. Semakan status permohonan GKP saya adalah berstatus Tidak Lulus. Adakah saya boleh mengemukakan permohonan rayuan?**

Permohonan rayuan boleh dibuat bagi pemohon berstatus Tidak Lulus secara dalam talian melalui portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>) bermula 3 Jun sehingga 15 Jun 2020.

- 4. Bilakah tarikh pembayaran GKP akan dibuat?**

Pembayaran adalah secara *one-off* sebanyak RM3,000 dengan pengkreditan terus ke akaun bank yang telah didaftarkan pada permohonan GKP mulai 15 Jun 2020 termasuk bagi permohonan situasi soalan No. 2.

- 5. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status pembayaran GKP adalah Gagal Kredit?**

Sekiranya status pembayaran adalah Gagal Kredit, tuan perlu mengemaskini maklumat Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi di menu Kemas kini No. Akaun pada Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

Akaun bank yang dikemaskini hendaklah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan), berstatus aktif dan berdaftar menggunakan nombor kad pengenalan baharu pemohon.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai akaun bank selain dari akaun bank yang telah saya daftarkan pada permohonan GKP sebelum ini?

Pemohon dikehendaki untuk membuat pengesahan dengan pihak bank berkaitan status aktif akaun bank tersebut dan akaun bank itu adalah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan).

7. Bilakah tarikh terakhir kemas kini maklumat Akaun Bank boleh dilakukan?

Tarikh terakhir kemas kini maklumat Akaun Bank boleh dibuat pada sistem GKP adalah pada 31 Ogos 2020.

8. Bilakah pembayaran semula akan dilakukan bagi status Gagal Kredit?

Tarikh pembayaran semula ke akaun bank yang telah dikemas kini adalah mulai 10 September 2020.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP?

Sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).

Dikemaskini pada **7 Ogos 2020**